

B 8409 AAB
MAHATHIR - BERJAYA

SUBANG, 10 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYIFATKAN LAWATANNYA KE BRITAIN, HUNGARY DAN SOVIET UNION SEBAGAI BERJAYA DAN MENCAPAI MATLAMATNYA.

KATANYA SAMBUTAN YANG DIBERIKAN KEPADA ROMBONGANNYA MENDAPAT SAMBUTAN YANG BAIK SEKALI DI KETIGA-TIGA NEGARA SAMA ADA DARIPADA KERAJAAN DAN PIHAK SWASTA.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KEPADA PEMBERITA SEKEMBALINYA DARI LAWATAN SELAMA KIRA-KIRA TIGA MINGGU KE NEGARA-NEGARA TERSEBUT.

KATANYA, SEMASA DI BRITAIN, ROMBONGANNYA DISAMBUT BAIK OLEH KEDUA-DUA PIHAK KERAJAAN DAN SWASTA. DEMIKIAN JUGA DI HUNGARY.

MANAKALA DI SOVIET UNION SUNGGUHPUN TIDAK ADA SYARIKAT MILIK SWASTA NAMUN ROMBONGANNYA ITU DISAMBUT BAIK OLEH KERAJAAN NEGARA ITU DAN REPUBLIK-REPUBLIK DI NEGARA BERKENAAN.

RAKYAT SOVIET BERMINAT UNTUK MENGENALI MALAYSIA LEBIH DEKAT DAN MENGADAKAN HUBUNGAN DENGAN NEGARA INI, TAMBAH PERDANA MENTERI - LAGI.

2026MST 10 08 87

B 8421 DEB
MAHATHIR - BERJAYA 2 SUBANG

MENGENAI HASIL PERBINCANGANNYA DENGAN PEMIMPIN SOVIET ENCIK MIKHAIL GORBACHEV YANG MERUPAKAN BERITA BAIK KEPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN NEGARA ASEAN, PERDANA MENTERI BERKATA DALAM PERTEMUAN ITU, BELIAU TELAH BERBINCANG DENGAN MENDALAM PELBAGAI PERKARA TERMASUK MENEGENAI ASEAN DAN MASALAH KAMPUCHEA.

PERDANA MENTERI BERKATA DALAM PERTEMUANNYA DENGAN GORBACHEV DAN BEBERAPA ORANG PEMIMPIN SOVIET YANG LAIN, BELIAU DAPAT MENGENALI MEREKA LEBIH DEKAT DAN MENDAPATKAN PANDANGAN MEREKA TERHADAP MASALAH INI.

PERDANA MENTERI YAKIN APA YANG AKAN DISAMPAIKAN KEPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN NEGARA ASEAN YANG LAIN ITU JUGA MEMPUNYAI SATU KESAN BAIK DALAM USAHA MENYELESAIKAN MASALAH KAMPUCHEA.

MENURUT PERDANA MENTERI SELAIN DARIPADA ITU, BELIAU JUGA MEMBINCANGKAN MENGENAI PERLUCUTAN SENJATA DAN INI JUGA MERUPAKAN PERKARA YANG PENTING DIBERITAHU KEPADA PEMIMPIN ASEAN YANG LAIN.

OLEH ITU, BELIAU BERPENDAPAT MUNGKIN ADA PERKARA YANG DIBINCANGKAN ITU YANG MERUPAKAN MAKLUMAT BARU BAGI NEGARA-NEGARA ASEAN. -- LAGI.

2109MST 10 08 87

0581

B 8422 AAB
MAHATHIR-BERJAYA 3 SUBANG

MENGENAI BILA MAKLUMAT BARU ITU AKAN DISAMPAIKAN KEPADA RAKAN-RAKAN NEGARA ASEAN YANG LAIN, PERDANA MENTERI BERKATA IA MUNGKIN DISAMPAIKAN DALAM SIDANG KEMUNCAK MENTERI-MENTERI ASEAN DISEMBER INI ATAU MUNGKIN JUGA MELALUI KEDUTAAN MEREKA DI SINI.

BERHUBUNG DENGAN KENYATAAN BERSAMA ANTARA GORBACHEV DAN PERDANA MENTERI YANG DIKATAKAN PENDIRIAN SOVIET TIDAK JELAS DALAM KENYATAAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA +ADALAH LEBIH BAIK TIDAK JELAS DARIPADA JELAS DARIPADA SATU-SATU PIHAK.

MENGENAI ISLAM, BELIAU BERKATA, ADA RAKYAT SOVIET YANG MENGAMALKAN ISLAM DAN BELIAU SENDIRI TELAH BERSEMBAHYANG JEMAAH BERSAMA-SAMA ORANG ISLAM DI SOVIET SEMASA LAWATAN ITU.

MENURUTNYA TEMPAT-TEMPAT SEJARAH ISLAM JUGA DIJAGA DENGAN BAIK DAN SEBAGAI CONTOH BELIAU SENDIRI MELAWAT KUBUR IMAM BUKHARI DALAM LAWATANNYA ITU.

TERDAPAT JUGA UMAT ISLAM DI NEGARA ITU YANG MENUNAIKAN HAJI DI MEKAH, TETAPI BAGAIMANAPUN, MENURUT PERDANA MENTERI NAMPAKNYA GENERASI MUDA DI NEGARA ITU KURANG BERMINAT MENGENAI ISLAM. - BERNAMA.

2112MST 10 08 87